

# Jangan bermain tarik tali isu krisis bekalan air

**BATU PAHAT** – Kerajaan Negeri Selangor diminta supaya tidak terus bermain tarik tali berkenaan krisis air di negeri itu, sebaliknya segera memuktamadkan beberapa perkara yang diyakini mampu mengatasi masalah tersebut.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang (**gambar**) berkata, langkah berkenaan penting bagi mengelakkan kira-kira tujuh juta penduduk di Selangor dan sekitar Lembah Klang amnya terkesan akibat gangguan bekalan air.

“Perkara utama yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini ialah Kerajaan Negeri Selangor perlu segera mengambil alih ekuiti Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn. Bhd. (Splash).

“Selangor perlu ambil alih Splash. Itu isu di peringkat negeri bukan Persekutuan, pembayaran akan diuruskan PAAB (Pengurusan Aset Air Bhd.) yang akan dijadikan sebahagian proses perjanjian antara entiti itu (PAAB) dengan

syarikat air akan datang untuk tujuan pembayaran balik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di sini semalam.

Menerusi laporan akhbar sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali digesa tidak main tarik tali di sebalik harga tawaran sebenar kerajaan negeri untuk mengambil alih ekuiti Splash.

Semasa perbahasan Dewan Undangan Negeri Selangor, November tahun lalu, Mohamed Azmin mengumumkan penangguhan pengambilalihan Splash sehingga 4 Julai tahun ini kononnya atas permintaan kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, penangguhan dibuat selepas kerajaan negeri gagal mendapatkan harga penilaian pengambilalihan Splash daripada kerajaan Pusat seperti yang dicadangkan oleh jurunilai bebas, Deloitte. – Bernama

